

NO SOALAN: 494

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA
[SUBANG]

SOALAN :

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana kenaikan tambang KLIA Ekspres sebanyak RM20 (dari RM35 kepada RM55) untuk menampung kerugian yang dikatakan dialami.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tambang bagi perkhidmatan ERL adalah berdasarkan perjanjian konsesi yang ditandatangani pada tahun 1997 di antara operator ERL iaitu Express Rail Link Sdn. Bhd. dengan Kerajaan. Kadar tambang siling berfasa bagi ERL telah pun ditetapkan dalam perjanjian tersebut.

2. Untuk tahun kewangan 2015/2016 yang berakhir pada 30 Jun 2016, pihak ERL menjangkakan hasil tambang tambahan sebanyak RM12.5 juta bagi tempoh 6 bulan terakhir. Untuk tahun kewangan 2016/2017 akan datang (tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2017), hasil dari kutipan tambang diunjur akan bertambah sebanyak RM27 juta.

3. Pihak ERL menjangkakan kenaikan kadar tambang yang telah dilaksanakan ini akan dapat melupuskan kerugian terkumpulnya dalam jangka masa 8 hingga 10 tahun akan datang.

Sekian, terima kasih.